



Personaliti Pilihan

ADRIEN JURAD CHAMRONG

Siapa yang tidak kenal dengan personaliti pilihan yang ingin diketengahkan oleh MyUniMAP pada edisi kali ini? Apabila diimbas kembali, tangan ajaib serta sentuhan Adrien Jurad Chamrong menjadi nadi buat Philimon Chipeta dan Zacharia Simukonda menjaringkan gol kemenangan membantu Perlis menjuarai Piala Malaysia buat beberapa kali. Gol pertama Singa Utara hadir mengimbas situasi yang sama diilhamkan oleh Jurad Chamrong menerusi lontaran ke dalam dari jarak terus menerjah jaring ketika Perlis dinobatkan selaku juara Piala Malaysia pada 2004 menewaskan Kedah 1-0. Kelibat Jurad Chamrong sekali lagi menepati sasaran apabila sepakan percuma pada minit ke-76 mudah ditanduk kencang oleh Simukonda memahatkan kemenangan paling manis buat Perlis bagi musim 2005 hingga 2006. Hanya tiga minit permainan bermula Perlis lebih pantas mencipta jaringan menerusi tandukan Philimon Chipeta menewaskan penjaga gol Negeri Sembilan Naza, Azizon Abd. Kadir. Ini juga berpunca daripada lontaran jauh ke dalam oleh Adrien Jurad Chamrong tepat ke arah Chipeta yang terus menanduk masuk.



Itulah antara babak-babak yang dapat digambarkan keistimewaan dan kelincahan yang ada pada beliau ketika beraksi di padang bola sepak. Jika dilihat personalitinya yang sentiasa merendahkan diri dan sifat hormat beliau, sudah pasti kita tidak menjangka bahawa beliau adalah seorang bintang bola sepak yang sering menjadi sebutan dan bersinar di arena bola sepak negara kita malah di peringkat Antarabangsa.



Personaliti yang ingin diketengahkan pada edisi MyUniMAP kali ini ialah Adrien Jurad Chamrong atau lebih dikenali sebagai Jurad. Kita sebagai warga UniMAP sangat berbangga kerana mempunyai staf yang merupakan seorang bintang bola sepak yang disegani dan disenangi seperti beliau. Anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini telah dilahirkan pada 1 November 1977 di Alor Star Kedah. Bapa beliau iaitu Encik Chamrong Chamrat merupakan seorang pesara Angkatan Tentera Malaysia manakala ibu beliau iaitu Puan Cha Im Din Phrat pula merupakan seorang pesara jururawat Kementerian Kesihatan Malaysia. Tidak hairanlah bakat semulajadi yang dimiliki Jurad rupanya mewarisi kebolehan bapanya sendiri yang juga turut aktif dalam sukan Ragbi.

Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 18 Januari 2001 dan dikurniakan seorang cahaya mata. Isteri tercinta yang sentiasa menyokong perjalanan kerjaya beliau iaitu Puan Mali Krasen merupakan seorang Pegawai Imigresen di Jabatan Imigresen Kangar Perlis manakala puteri kesayangan beliau yang comel pula berusia tujuh tahun iaitu Adriena Duthsanee. Apa yang menarik dalam kisah percintaan pasangan ini, mereka mula menemui babit kasih dan cinta semasa bersama-sama bekerja di Blackforest Golf and Country Resort suatu

ketika dahulu. Tidak beberapa lama selepas perkenalan itu mereka mengambil keputusan untuk mendirikan rumah tangga walaupun dalam usia yang masih muda. Namun begitu rumah tangga yang telah terbina hampir sepuluh tahun ini terus kekal bahagia dan diserikan lagi dengan kehadiran puteri kesayangan. Jurad telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ahmad Tajuddin Jitra manakala peringkat menengah di Sekolah Menengah Jitra dalam Aliran Asas. Siapa menyangka walaupun beliau aktif dalam bidang sukan bola sepak beliau telah berjaya mendapat keputusan yang baik iaitu 4A dalam peperiksaan UPSR.

Jurad telah berkecimpung di dalam arena bola sepak semenjak di bangku sekolah lagi iaitu seawal usia sembilan tahun. Beliau mula bermain dengan mewakili sekolah, peringkat daerah dan seterusnya ke peringkat negeri iaitu mewakili negeri Kedah pada tahun 1999 dalam posisi pertahanan sehinggalah ke hari ini. Setelah hampir 25 tahun saya bermain, ibubapa adalah merupakan pendorong utama dalam kerjaya bola sepak saya sejak kecil lagi. Tanpa mereka sudah pasti saya takkan menjadi seperti diri saya sekarang ini. Pengalaman pahit yang tidak dapat saya lupakan adalah apabila mengalami kecederaan pada tahun 2007 ketika perlawanan dan lutut saya terpaksa dilakukan pembedahan.

Jurad yang berketinggian 180 cm ini merupakan seorang yang bukan hanya gemar bermain bola sepak malah sejak di bangku sekolah lagi juga gemar melakukan aktiviti-aktiviti lasak seperti 'jungle-tracking', mendaki dan sebagainya. Apatah lagi beliau pernah bergiat aktif di dalam Kelab Kembara sekolah.



PASKAH BOLA SEPAK SSAT

Selain daripada itu, sekiranya berkelapangan beliau juga suka menghabiskan masa di rumah sambil menonton filem-filem terkini bersama keluarga tercinta. "Pengalaman paling manis saya sepanjang berkecimpung di dalam bola sepak ialah apabila membantu Perlis menjuarai empat piala utama di peringkat kebangsaan atau negara iaitu Piala Malaysia, Piala Sumbangsih, Piala Liga Super, Piala Emas Raja-raja dan Piala Agong. Semua kenangan ini sentiasa terpahat di dalam hati saya kerana tanpa penat lelah dan keazaman yang tinggi serta semangat berpasukan yang baik sudah pasti pasukan kami tidak akan mencapai kemenangan."

Beliau mula berkhidmat di UniMAP sebagai Pembantu Am Pejabat di Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor pada tahun 2007. Sebelum menyertai UniMAP beliau merupakan pemain bola sepak bagi pasukan Perlis sepuhul masa. Jurad adalah seorang yang berpersonaliti peramah dan sentiasa bersikap toleransi di dalam pekerjaan harian beliau. Ini berbeza dengan perwatakan beliau di padang yang sentiasa lincah mencari peluang untuk membantu pasukan meraih gol atau kemenangan. Begitu banyak anugerah dan pengiktirafan yang pernah diterima oleh beliau. Antara anugerah yang pernah diterima beliau ialah sebagai Pemain Terbaik Final Piala Malaysia tahun 2004, Pemain Terbaik Final Piala Emas Raja-raja 2009 dan Pingat Mahkota Perlis (PMP) pada tahun 2005 daripada Pemangku Raja Perlis ketika itu iaitu DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra merangkap Canselor UniMAP. "Sepanjang bersama UniMAP, pengalaman manis yang tidak dapat saya lupakan adalah apabila membantu UniMAP menjadi juara keseluruhan dalam SUKUM di Sarawak dan di Terengganu. Saya juga merasa amat berbangga kerana berpeluang untuk membantu UniMAP menjuarai Piala Emas Raja-Raja dan Piala Agong tahun lalu."

Jurad yang menjadikan Tun Mahathir Mohamad sebagai idola ini sentiasa berpegang kepada prinsip "Anda adalah anda....". Beliau juga amat berterima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Kamarudin, Naib

Canselor UniMAP kerana memberi peluang kepada beliau untuk bersama-sama memberikan sumbangan dan membangunkan pasukan bola sepak UniMAP.



"Saya akan terus mencintai permainan bola sepak hingga ke akhir hayat saya dan mungkin akan terus bermain selagi berupaya." Beliau juga berazam untuk sentiasa berkongsi pengalaman dan kemahiran yang beliau ada demi generasi muda akan datang khususnya di UniMAP dan seterusnya negeri Perlis yang tercinta ini. Misi dan matlamat beliau bersama UniMAP ialah untuk terus menjadikan UniMAP sebagai organisasi yang dikenali dan disegani bukan sahaja di dalam sukan bolasepak malah di dalam lain-lain bidang di peringkat Antarabangsa.